

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
KAWASAN : TANJONG KARANG
TARIKH : 16 MEI 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan melakukan kajian sosial-impak terhadap masyarakat setempat sebelum memutuskan pembinaan Lebuh Raya KIDEX.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan Penilaian Impak Sosial ('Social Impact Assessment') ialah merupakan salah satu daripada prasyarat atau 'condition precedent' yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi sebelum perjanjian konsesi Lebuhraya Kinrara – Damansara (KIDEX) dikuatkuasakan.

Selain laporan Penilaian Impak Sosial, syarikat konsesi juga perlu menjalankan laporan Penilaian Impak Lalu Lintas ('Traffic Impact Assessment') dan juga Penilaian Impak Alam Sekitar ('Environmental Impact Assessment'). Di samping itu Kerajaan Pusat melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan dengan kerjasama syarikat konsesi juga telah mengadakan beberapa sesi 'engagement' melibatkan siri perbincangan, pameran dan pendengaran awam dengan 'stakeholders' terlibat, iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, persatuan penduduk dan komuniti perniagaan bagi menjelaskan tentang pelaksanaan projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga laporan impak yang terlibat dengan projek KIDEX itu telah dikemukakan kepada Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, iaitu pada 7 Julai 2014 dan 26 Januari 2015. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Februari 2015 telah memutuskan untuk membatalkan kelulusan projek tersebut dengan alasan Kerajaan Pusat dan syarikat konsesi gagal untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Sekian. Terima kasih.